

LATIHAN KARANGAN

KARANGAN

NAMA :

KELAS :

OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR

Berdasarkan karangan di bawah, sila isikan perkataan yang sesuai di dalam ruangan yang dikosongkan.



FAEDAH MENYERTAI AKTIVITI KOKURIKULUM

Aktiviti kokurikulum adalah apa-apa kegiatan yang dirancang selain daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Kegiatan ini memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di bilik darjah. Di Malaysia, kokurikulum merangkumi penyertaan dalam aktiviti sukan dan permainan, persatuan dan kelab serta penyertaan dalam pasukan pakaian seragam. Penyelarasan kegiatan kokurikulum di sekolah bahawa ia mampu memberikan manfaat yang banyak kepada pelajar-pelajar. Oleh itu, mari kita runtkaikan faedah-faedah yang diperoleh daripada penyertaan aktiviti kokurikulum.

Antara manfaat yang diperoleh para pelajar sekiranya mereka menyertai aktiviti kokurikulum adalah pengisian masa lapang dengan aktiviti berfaedah. Sebagai contoh, penyertaan dalam kelab sukan memerlukan pelajar menyertai latihan yang selepas waktu persekolahan. Perkara ini secara tidak langsung dapat membendung mereka daripada melakukan perkara yang tidak berfaedah seperti melepak dan gejala sosial yang semakin menjadi polemik dalam kalangan pelajar sekolah hari ini. Tambahan pula, ibu dan bapa hari ini yang sibuk dengan kerjaya masing-masing tidak perlu risau akan keberadaan anak-anak mereka sekiranya mereka terlibat dengan aktiviti kokurikulum di sekolah. Jelaslah bahawa aktiviti kokurikulum memberikan pengisian masa lapang yang sangat bermanfaat kepada pelajar-pelajar.

LATIHAN KARANGAN

KARANGAN

OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR



Selain itu, penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dapat menambah ilmu pengetahuan mereka. Hal ini demikian kerana jika mereka memberi perhatian dan tidak menyertai aktiviti kokurikulum secara sambil lewa seperti melepaskan batuk di tangga, pasti mereka sedar bahawa banyak perkara yang boleh dipelajari. Tamsilnya, aktiviti pasukan pakaian seragam seperti persatuan pengakap memberikan tunjuk ajar kepada pelajar tentang cara-cara untuk hidup di dalam hutan dan sebagainya.

seperti memasang khemah, menghidupkan api menggunakan kayu hutan dan ikatan-ikatan menggunakan tali tidak dipelajari dalam bilik darjah sebaliknya ia khusus kepada pelajar yang menyertai aktiviti-aktiviti pasukan seragam yang diminati oleh pelajar.

Di samping itu, pelajar yang menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah dapat membina jati diri masing-masing. Pelajar akan menyertai aktiviti seperti kawad kaki yang memerlukan disiplin diri serta kekuatan mental dan fizikal bagi mendengar dan mengikuti arahan yang diberikan. Pada waktu yang sama, pelajar perlu bekerjasama dengan rakan-rakan lain bagi mendapatkan pergerakan yang seragam dan teratur. Tambahan pula, aktiviti kokurikulum memerlukan pelajar jawatan seperti pengerusi, setiausaha, bendahari, ahli jawatankuasa dan ahli biasa dalam persatuan dan kelab masing-masing. Secara tidak langsung, pelajar perlu mempelajari nilai yang diperlukan bagi menjawat jawatan yang penting dalam sesebuah organisasi.

LATIHAN KARANGAN

KARANGAN

OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR



Kesannya, pelajar akan menjadi seorang yang lebih bertanggungjawab dan mempunyai pengalaman yang mampu meningkatkan jati diri masing-masing setelah menyertai aktiviti kokurikulum.

Akhir sekali, faedah yang diperoleh daripada menyertai aktiviti kokurikulum adalah memupuk perpaduan antara pelajar. Sekolah merupakan "alma mater" dalam membentuk sesebuah komuniti khusus bagi golongan orang-orang muda. Justeru, aktiviti kokurikulum akan melibatkan penyertaan daripada pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum, bangsa dan agama. Sebagai contoh, aktiviti bersukan memerlukan persefahaman antara satu pasukan bagi mendapatkan kemenangan dalam pertandingan. Di sini, pelajar akan mempelajari cara untuk berkomunikasi antara satu sama lain serta memahami nilai seperti dan menghormati rakan-rakan mereka. Dengan ini, sebarang perselisihan faham dapat dielakkan dan kehidupan yang harmoni dan humanis dapat dilahirkan. Natijahnya, pelajar dalam kegiatan kokurikulum mampu mewujudkan perpaduan serta mengikis sentimen perkauman dalam diri generasi muda ini.

Kesimpulannya, pelbagai faedah dan manfaat yang akan diperoleh daripada pelajar sekiranya mereka menyertai aktiviti-aktiviti kokurikulum di sekolah. Ia bergantung kepada diri pelajar masing-masing sama ada untuk memberikan fokus dalam aktiviti tersebut atau melakukannya secara sambil lewa dan hanya membuang masa sahaja.

PDPR BAHASA MELAYU

LATIHAN KARANGAN

KARANGAN



OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR

Guru-guru dan ibu bapa perlu memainkan peranan masing-masing dalam memastikan anak-anak di sekolah menyertai aktiviti kokurikulum secara sepenuh hati agar mereka berjaya mendapat nilai yang ingin diterapkan dalam inisiatif ini. Tanpa penerapan nilai-nilai murni dalam jiwa generasi muda hari ini sudah pasti usaha pembangunan negara akan terbantut. Hal ini demikian kerana mereka merupakan jentera penggerak kemajuan negara pada masa hadapan bak kata cogan kata, harapan bangsa, tiang negara.